

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan Ringgit Malaysia (RM) secara terperinci pada tahun 2014 setakat ini dan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengukuhkan kekuatan Ringgit Malaysia (RM) sepanjang masa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2014, prestasi ringgit pada mulanya mengalami trend penambahan nilai berbanding dengan dolar AS iaitu pada bulan Februari

sehingga Ogos 2014. Pengukuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih baik pada dua suku pertama tahun ini. Walau bagaimanapun, trend ringgit mula bertukar arah pada akhir bulan Ogos apabila pelabur asing mula melupuskan pegangan pelaburan portfolio dari pasaran serantau berikutan jangkaan bahawa kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) mungkin dinaikkan lebih awal oleh Federal Reserve AS. Penyusutan nilai ringgit pada bulan September adalah sejajar dengan prestasi mata wang serantau yang lain.

Secara keseluruhannya, prestasi ringgit berbanding dolar AS sepanjang tahun 2014 adalah stabil, dengan penyusutan nilai hanya sebanyak 0.02%. Berbanding prestasi sepuluh mata wang rakan dagangan utama negara, ringgit telah mencatatkan purata penambahan nilai sebanyak 1.8%.

Semenjak ringgit diapungkan pada 21 Julai 2005, ringgit telah meningkat sebanyak 15.8% berbanding dengan dolar AS dan meningkat sebanyak 11.3% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan utama negara. Kekuatan ringgit sepanjang tempoh ini mencerminkan

prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan dan pengukuhan asas-asas ekonomi negara.

Di masa hadapan, apabila dasar monetari sebahagian ekonomi negara maju mula kembali ke paras normal (*normalisation of monetary policy*), pergerakan ringgit dalam jangka masa pendek akan terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan luaran. Walaupun Bank Negara Malaysia (BNM) tidak menyasar sebarang tahap atau julat tertentu bagi kadar pertukaran ringgit, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran pertukaran asing kekal teratur supaya ekonomi dapat membuat penyelarasan yang bersesuaian. Keadaan ini juga disokong oleh tahap rizab antarabangsa yang tinggi, yang telah meningkat sebanyak 29% daripada RM328.7 bilion (USD106.5 bilion) pada akhir bulan Disember 2010 kepada RM424.2 bilion (USD132.0 bilion) pada akhir bulan Ogos 2014. Rizab antarabangsa pada tahap ini memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Selain memastikan kestabilan ringgit, Kerajaan dan BNM telah

mengambil langkah-langkah untuk memperkuat asas ekonomi negara. Usaha ini telah berjaya mewujudkan sistem kewangan dalam negeri yang kukuh, kedudukan luaran yang menggalakkan dan kedudukan fiskal yang lebih kukuh yang seterusnya melengkapinya dengan inisiatif transformasi ekonomi Kerajaan yang sedang dilaksanakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
DARIPADA [NIBONG TEBAL]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) peranan Majlis Penarafan Bahasa Inggeris dalam mempertingkatkan tahap pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dalam negara; dan
- b) daya usaha yang diambil bagi memperkuatkuhan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan juga guru-guru serta pengajar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris (MPSKBI) ditubuhkan pada tahun 2012 bertujuan untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menentukan penarafan standard dan kualiti bahasa Inggeris (BI) di institusi pendidikan dari peringkat sekolah, matrikulasi dan latihan perguruan di Malaysia. Majis ini dianggotai oleh tujuh (7) orang pakar BI yang dilantik oleh Menteri Pendidikan. Selaras dengan matlamat penubuhannya, Majlis ini sedang menghasilkan satu Pelan

Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris yang bertajuk *Roadmap for English language education in Malaysia*. *Roadmap* ini menggunakan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dan Kajian Asas Cambridge yang dilaksanakan pada tahun 2013 bagi menentukan tahap pencapaian (*realistic targeted levels*) bahasa Inggeris murid yang realistik dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti.

Dengan adanya *roadmap* ini, pendidikan BI akan mempunyai pelan hala tuju yang jelas berdasarkan penarafan standard BI antarabangsa CEFR. Guru dan murid akan terus berusaha gigih ke arah mencapai tahap pencapaian BI yang dijajarkan berdasarkan CEFR yang diadaptasi sesuai dengan konteks pembelajaran BI di Malaysia. *Roadmap* yang dihasilkan oleh MPSKBI ini juga mengemukakan perakuan untuk meningkatkan standard dan kualiti pengajaran dan pembelajaran BI di Malaysia.

- b) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 menggariskan pelbagai strategi bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid dan guru. Antara program utama yang dilaksanakan ialah Program *Professional Upskilling of English Language Teachers* (Pro-ELT) yang melibatkan latihan 480 jam melalui *blended mode*, secara bersemuka dan secara *on-line*. Program ini membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris guru. Program ini telah menampakkan impak yang signifikan apabila seramai 76.4 peratus guru dari kohort pertama yang melibatkan 5,010 orang guru ini telah meningkat sekurang-kurangnya satu band CEFR.

Melalui Program Penutur Jati, guru Bahasa Inggeris Tahap 1 di 1,800 sekolah rendah seluruh negara terlibat dengan latihan pemantapan pedagogi dan peningkatan penguasaan bahasa Inggeris melalui kaedah bimbingan dan pementoran. Melalui Program Penutur Jati, guru didedahkan kepada teknik pedagogi terkini dan amalan terbaik pedagogi BI bagi menarik dan meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran bahasa Inggeris.

Transformasi kurikulum dilaksanakan dengan mengenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang memberi penekanan kepada elemen didik hibur, asas berbahasa, fonik dan seni bahasa (*language arts*) di bilik darjah. Program LINUS 2.0 Bahasa Inggeris merupakan program yang melibatkan saringan literasi asas BI murid di sekolah rendah. Objektif program ini adalah bagi memastikan semua murid Tahap 1 menguasai asas literasi BI kecuali murid berkeperluan khas. Melalui program LINUS 2.0, modul dan latihan pedagogi pemulihan BI dilaksanakan bagi membantu murid yang tidak menguasai literasi asas BI.

KPM juga melaksanakan Program Peningkatan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah di 1,191 sekolah-sekolah yang mempunyai peratus kegagalan mata pelajaran BI di peringkat, iaitu 23 peratus ke atas. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 3 hingga 5 di sekolah *hotspot* berkenaan. Melalui program ini modul pengajaran dan pembelajaran khas yang memberi penekanan kepada aspek *coaching* dan *mentoring*, pengajaran dan

pembelajaran yang berdasarkan kepada keupayaan dan keperluan murid (*differentiated teaching and learning*) dalam kelas dan melaksanakan kaedah pemulihan BI (*remedial instruction*) bagi membantu murid meningkatkan tahap penguasaan BI murid di dalam kelas. Pakar perunding khas bagi komponen *differentiated teaching and learning* dikenal pasti dan kursus *Remedial Instruction* telah dihasilkan oleh pasukan English Language Teaching Centre di bawah bimbingan dan kepakaran Dr. George Iber, seorang pegawai dari Amerika Syarikat yang berkepakaran dalam bidang *Remedial Classroom Pedagogy*. Program Peningkatan Penguasaan BI Sekolah Menengah ini juga melibatkan komponen luar kelas (*OPS-English 2.0*) yang bertujuan meningkatkan penguasaan BI dalam kalangan murid melalui aktiviti sokongan BI di luar waktu pembelajaran.

Program ini dilaksanakan melalui bimbingan *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) yang ditempatkan di Pejabat Pendidikan Daerah dan bertanggungjawab membantu sekolah untuk meningkatkan tahap penguasaan BI murid.

Aktiviti yang dinyatakan di atas merupakan antara inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah PPPM 2013-2025 dan kesemua aktiviti memperkuuh BI ni memfokuskan kepada peningkatan penguasaan BI murid pada pelbagai peringkat persekolahan.